

Tarikh : 8 Jun 2016

**SEGERA**

Pengurus Iklan,  
**BERITA HARIAN,**  
31, Jalan Riong,  
59100 Kuala Lumpur  
(u.p.: *Encik Muhamad Fairuzdillah Bin Palil*)

Tuan,

**TERBITAN IKLAN TAWARAN**

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan Kenyataan Tawaran untuk diterbitkan di akhbar tuan bagi satu keluaran sahaja iaitu pada **13 Jun 2016 (Isnin)**. Pihak tuan adalah diminta untuk menggunakan lambang Persekutuan dalam penerbitan iklan seperti yang terdapat dalam salinan Kenyataan Tawaran ini. Selain daripada itu, pihak tuan adalah dikehendaki untuk mengemukakan *Quotation* bagi membolehkan Pesanan Tempatan (*Local Purchase Order*) dikeluarkan sebelum ianya diiklankan.

3. Bil-bil untuk pembayaran kelak hendaklah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya melalui no. akaun dan alamat seperti berikut:-

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 4 & 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA**

**No. Akaun : 00016683**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**( KU HAFEZ EMRAN BIN KU BHAUDIN )**

Bahagian Perolehan dan Penswastaan  
b.p. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

**s.k.**

Pengarah,  
Bahagian Perkembangan Perubatan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 4 – 7, Blok E1, Parcel E, Presint 1,  
**62590 PUTRAJAYA**

Setiausaha Bahagian,  
Bahagian Pengurusan Maklumat,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 5, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62590 PUTRAJAYA.**

- **Pohon kerjasama pihak tuan untuk 'muat naik' maklumat mengenai terbitan iklan tender dalam laman web Kementerian/Bahagian pada tarikh 13 Jun 2016 (Isnin) iaitu pada tarikh yang sama iklan disiarkan di akhbar.**

SUSK YBMK

YBhg. Datuk KSU

YBhg. Dato' TKSU(K)

SUB (P&P)

TSUB (P)

TSUB (DP)

KPSUK (E)

KPSU (D)3



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 13 Jun 2016 (Isnin)**

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada Pembekal-Pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** di bawah kod bidang **050101 DAN 050102** untuk mengambil bahagian di dalam tender seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak <b>DIWAJIBKAN</b> )	KAEDAH PEROLEHAN
<p>Tawaran Tender Bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Peralatan <i>Single Photon Emission Computer Tomography Scanner (SPECT-CT)</i> Untuk Kegunaan Jabatan Perubatan Nuklear Di Pusat Jantung Sarawak.</p> <p><b>No. Tender : X0251010304160066</b></p>	77/2016	<p>Tarikh : 20 Jun 2016 (Isnin) Masa : 9.00 pagi Tempat : Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak</p> <p><b>SYARAT:</b></p> <p>i) Petender <b>DIWAJIBKAN</b> untuk menghadiri sesi lawatan tapak; ii) Sekiranya petender tidak hadir sesi lawatan tapak, petender tidak layak memasuki tender; iii) Kehadiran ke sesi taklimat adalah <b>WAJIB</b>. Hanya <b>PENAMA</b> di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (<b>PPK</b>)/ Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (<b>SPKK</b>) / <b>PUKONSA</b> / <b>UPKJ</b> / Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan <b>SAHAJA</b> yang boleh hadir ke sesi taklimat tender. <b>PENAMA</b> wajib membawa <b>DOKUMEN</b> di atas bagi mengesahkan kehadiran di sesi taklimat tender;</p> <p>iv) Mematuhi semua peraturan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan mengemukakan salinan dokumen seperti berikut:- a) Lesen Establismen; dan b) Sijil Pendaftaran Peranti Perubatan;</p> <p>v) Surat Pelantikan daripada Establismen kepada Ejen petender untuk peranti perubatan yang diperolehi.</p>	Secara ePerolehan

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak di alamat seperti di atas semasa waktu pejabat **selepas lawatan tapak/taklimat** mulai **20 Jun 2016 (Isnin)** atau dengan melayari [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).

<b>ISNIN – KHAMIS</b>	-	<b>8.00 PAGI</b>	-	<b>1.00 PETANG</b>
	-	<b>2.00 PETANG</b>	-	<b>4.00 PETANG</b>
<b>JUMAAT</b>	-	<b>8.00 PAGI</b>	-	<b>12.00 TENGAH HARI</b>
	-	<b>2.45 PETANG</b>	-	<b>4.00 PETANG</b>

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Nombor Rujukan yang dijana oleh sistem ePerolehan boleh diperolehi di Kaunter *Telecenter* di alamat dan no. Telefon seperti di atas selepas **lawatan tapak/taklimat** mulai **20 Jun 2016 (Isnin) dengan Hanya Perlu Membawa No. Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan Malaysia Atau Salinan Sijil Pendaftaran Untuk Pengesahan Pendaftaran.**

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan dan cadangan ini perlu dikemukakan secara manual pada atau sebelum **12 Julai 2016 (Selasa), jam 12.00 tengah hari.**

Semua dokumen sokongan tender (seperti katalog, profil syarikat dan lain-lain) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertulis No. Rujukan Unik yang dijana oleh sistem ePerolehan. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti di atas pada atau sebelum **12 Julai 2016 (Selasa), jam 12.00 tengah hari.**

**Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.